

## SOALAN LAZIM PROGRAM MYLESEN B2

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah Program MyLesen B2 Tahun 2025?	Program ini adalah satu inisiatif Kerajaan bagi memperkasa 15,000 golongan kurang berkemampuan, khususnya pelajar sekolah/ institusi pengadian dan belia, untuk mendapatkan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2 sebagai persediaan sebelum menempuh alam pekerjaan dan mempertingkat keselamatan jalan raya. Program ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kerajaan.
2.	Apakah manfaat yang diperoleh oleh peserta sekiranya menyertai Program MyLesen B2 Tahun 2025?	Peserta akan ditawarkan dan dibayai sepenuhnya untuk menjalani latihan dan ujian sehingga mendapatkan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2 (Motosikal tidak melebihi 250 c.c.).
3.	Apakah kelas lesen yang ditawarkan di bawah Program MyLesen B2 Tahun 2025?	Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2 (Motosikal tidak melebihi 250 c.c.)
4.	Dimanakah peserta boleh membuat pendaftaran bagi Program MyLesen B2 Tahun 2025?	Pendaftaran untuk menyertai Program MyLesen B2 boleh dibuat melalui pejabat JPJ Negeri.
6.	Adakah peserta akan ditawarkan pekerjaan selepas selesai mendapatkan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2?	Program ini tidak melibatkan sebarang penawaran pekerjaan.
7.	Apakah syarat kelayakan bagi permohonan Program MyLesen B2 Tahun 2025?	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Warganegara Malaysia;</li> <li>b) Berumur 16 sehingga 35 tahun;</li> </ul>

BIL	SOALAN	JAWAPAN				
		<p>c) Pelajar Sekolah Menengah/ Institusi Pengajian atau belia;</p> <p>d) Terbuka kepada golongan B40 dan tanggungan;</p> <p>e) Sihat fizikal dan mental;</p> <p>f) Tidak pernah memiliki lesen memandu atau memiliki Lesen Belajar Memandu (LDL) Kelas B2 yang tamat tempoh lebih dua (2) tahun; dan</p> <p>g) Bebas senarai hitam Mahkamah, JPJ dan PDRM.</p>				
8.	Berapakah kos bayaran bagi Program MyLesen B2 Tahun 2025?	Tiada bayaran akan dikenakan kerana kos latihan dan ujian adalah dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kerajaan.				
9.	Berapa lamakah tempoh masa yang diperlukan oleh setiap peserta untuk menjalani latihan dan ujian memandu bagi Program ini?	<p>Peserta perlu menjalani kesemua modul kursus, latihan dan ujian memandu mengikut tempoh masa dan prosedur yang telah ditetapkan oleh JPJ sebelum Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2 dikeluarkan seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>KELAS LESEN</th><th>MASA</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>B2</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Teori (KPP01) – 6 Jam</li> <li>• Ujian Bertulis (KPP01) – 1 Jam</li> <li>• Latihan Praktikal Di Litar (KPP02) – 9.5 Jam</li> <li>• Latihan Praktikal Di Jalan Raya (KPP03) – 6 Jam</li> <li>• Pra Ujian (QTI) – 30 Minit</li> <li>• Ujian JPJ</li> </ul> </td></tr> </tbody> </table>	KELAS LESEN	MASA	B2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Teori (KPP01) – 6 Jam</li> <li>• Ujian Bertulis (KPP01) – 1 Jam</li> <li>• Latihan Praktikal Di Litar (KPP02) – 9.5 Jam</li> <li>• Latihan Praktikal Di Jalan Raya (KPP03) – 6 Jam</li> <li>• Pra Ujian (QTI) – 30 Minit</li> <li>• Ujian JPJ</li> </ul>
KELAS LESEN	MASA					
B2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Teori (KPP01) – 6 Jam</li> <li>• Ujian Bertulis (KPP01) – 1 Jam</li> <li>• Latihan Praktikal Di Litar (KPP02) – 9.5 Jam</li> <li>• Latihan Praktikal Di Jalan Raya (KPP03) – 6 Jam</li> <li>• Pra Ujian (QTI) – 30 Minit</li> <li>• Ujian JPJ</li> </ul>					

BIL	SOALAN	JAWAPAN
10.	Di manakah peserta perlu menjalani latihan dan ujian memandu bagi memperoleh Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2?	Peserta perlu mengikuti kursus, latihan dan ujian di Institut Memandu yang telah ditetapkan oleh JPJ Negeri sahaja.
11.	Adakah peserta dibenarkan untuk bertukar ke Institut Memandu (IM) lain setelah berjaya menjalani sebahagian daripada latihan yang ditetapkan atau dibenarkan untuk berhenti daripada meneruskan latihan dan ujian?	Tidak. Peserta perlu menghabiskan latihan dan ujian di IM yang didaftarkan dan tidak dibenarkan untuk bertukar ke IM lain. Peserta adalah tertakluk kepada syarat-syarat Program yang ditetapkan melalui satu Borang Aku Janji bagi memastikan komitmen peserta terhadap Program yang dilaksanakan.
12.	Adakah kos-kos lain yang tidak termasuk di dalam pakej yuran Program MyLesen B2 Tahun 2025 akan turut ditanggung oleh pihak Kerajaan?	Tidak. Kos-kos lain seperti pemeriksaan kesihatan, pengangkutan, penginapan dan makan minum sepanjang peserta mengikuti kursus, latihan dan ujian memandu perlu ditanggung oleh peserta dan tidak termasuk di dalam pakej yuran pembayaran oleh pihak Kerajaan.
13.	Apakah yang menyebabkan peserta dikeluarkan daripada menyertai Program MyLesen B2 Tahun 2025?	Apabila peserta gagal untuk menamatkan Program dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu 3 bulan.
14.	Sekiranya terdapat sebarang persoalan berhubung pelaksanaan program ini, apakah sumber yang boleh dirujuk?	Sebarang pertanyaan berhubung pelaksanaan Program MyLesen B2 Tahun 2025 boleh dikemukakan kepada JPJ Negeri yang berdekatan.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
15.	Bilakah tarikh tutup penyertaan bagi Program MyLesen B2 Tahun 2025?	Tarikh tutup penyertaan Program MyLesen B2 Tahun 2025 adalah sehingga kuota penyertaan di JPJ Negeri dipenuhi.
16.	Adakah peserta perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum menyertai Program MyLesen B2 Tahun 2025?	Tidak. Namun peserta perlu membuat pengesahan kesihatan kendiri melalui Borang Perakuan Kesihatan Calon yang telah disediakan.
17.	Adakah Orang Kurang Upaya (OKU) dibenarkan untuk menyertai Program MyLesen B2 Tahun 2025?	OKU yang dibenarkan untuk memohon adalah bagi kategori berikut yang tidak melibatkan sebarang pengubahsuaian kenderaan iaitu: <ol style="list-style-type: none"> <li>Pendengaran;</li> <li>Pertuturan; atau</li> <li>Pembelajaran.</li> </ol>